

Isu pembeli awal PR1MA

Kementerian pastikan penyelesaian secara baik

Pemohon dapat diskaun 20 peratus melalui Kempen Pemilikan Rumah akan dipertimbang, dianalisis

Oleh Petah Wazzan Iskandar
wazzan@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan memastikan penyelesaian terbaik mengikut kaedah menang-menang ke atas isu yang dibangkitkan pemilik awal rumah Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Menterinya, Zuraida Kamaruddin, berkata sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, pihaknya harus bertimbang rasa dengan pembeli awal yang tidak dapat menikmati diskaun melalui Kempen Pemilikan Rumah (HOC) yang dilancarkan sejak Januari lalu.

Susulan itu, KPKT mengadakan pertemuan dengan lebih 60 pemilik awal rumah PR1MA yang ada membuat rayuan membabit-

kan isu berbangkit.

"Semua pemilik terbabit adalah wakil dari enam perumahan PR1MA iaitu Alam Damai dan Brickfields, Kuala Lumpur; Kuala Ketil, Sungai Petani, Kedah; Rantau, Negeri Sembilan dan Tebrau, Johor.

"Pelbagai luahan, cadangan dan maklum balas yang diterima dengan majoriti mereka mahukan diskaun seperti ditawarkan dalam HOC. Namun, kita akan mempertimbangkan dan buat analisis apa yang sewajarnya mengikut kaedah menang-menang.

"Antara yang dicadangkan dan boleh dipertimbangkan ialah memulangkan wang diskaun mengikut pengiraan kawasan perumahan mereka, aspek perkhidmatan, penyelenggaraan, penyelesaian hutang pinjaman ataupun penyelesaian berkaitan kerosakan ru-



Zuraida mengadakan pertemuan dengan pembeli rumah PR1MA di Putrajaya, semalam.

(Foto ihsan KPKT)

Pelbagai luahan, cadangan dan maklum balas yang diterima dengan majoriti mereka mahukan diskaun seperti ditawarkan dalam HOC. Namun, kita akan pertimbang dan buat analisis.

Zuraida Kamaruddin, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

mah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas mengadakan pertemuan hampir dua jam dengan pemilik awal rumah PR1MA di kementeriannya di sini, semalam.

Zuraida berkata, beliau akan mengadakan pertemuan kedua Disember ini dengan semua pemilik rumah yang akan melantik wakil mereka berdasarkan perumahan masing-masing.

"Kita yakin perkara ini akan dapat diselesaikan secara menang-menang. Ini adalah sikap terbuka kerajaan dalam berdepan dengan pembeli awal yang membuat tuntutan diskaun," katanya.

September lalu, *BH* melapor-

kan Zuraida menegaskan KPKT akan mengadakan pertemuan dengan pembeli awal rumah PR1MA yang mendakwa mereka berdepan kerugian susulan PR1MA menawarkan rebat sehingga 20 peratus kepada pembeli rumah baharu.

Setakat ini, pihaknya sudah mengumpul kira-kira 500 kes rayuan dari seluruh negara berkaitan perkara berkenaan.

Februari lalu, kerajaan bersejutu memberi pengecualian duti setem bagi surat cara pembelian rumah dan surat cara perjanjian pinjaman untuk rumah yang dijual sepanjang tempoh HOC diadakan dari Januari hingga Jun sebelum dilanjutkan ke 31 Disember depan.